

27hb. Ogos, 1976.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1976

Pembayaran Bonus Bagi Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan

Adalah saya diarah merujuk kepada **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 1975** yang telah menggantungkan pembayaran bonus bagi suku tahun akhir 1975 kepada pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang menerima gaji \$1,001/- sebulan serta kepada surat Akauntan Negara Malaysia ANM(T) Sulit 5/66 Pt.1/(4) bertarikh 18hb. Mac, 1976 mengarah pembayaran bonus kepada pekerja-pekerja dalam sektor awam itu yang bergaji \$1,000/- sebulan ke bawah untuk suku pertama dan kedua 1976 dan ANM(T) Sulit 5/66 Pt.1/(5) bertarikh 6hb. Mei, 1976 meneruskan menggantung bonus kepada pekerja-pekerja sama yang bergaji \$1,001/- sebulan ke atas.

2. Kerajaan telah mengkaji semula penggantungan pembayaran bonus ini dan telah memutuskan bahawa

- (a) Bonus bagi suku tahun akhir 1975 kepada pekerja-pekerja yang bergaji \$1,001/- sebulan ke atas itu dihapuskan dan tidak dibayar; -
- (b) Bonus bagi tahun 1976 dibayar kepada semula pekerja-pekerja dalam sektor awam mulai daripada 1hb. Januari, 1976, dengan syarat pembayaran sebulan gaji adalah dibuat kepada pekerja-pekerja yang bergaji \$1,000/- sebulan ke bawah sahaja dan pekerja-pekerja yang bergaji \$1,001/- sebulan ke atas hanya dibayar bonus yang tidak melebihi \$1,000/- setahun.

3. Cara pembayaran bonus yang diluluskan seperti di atas itu hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 1974** iaitu dibuat pada akhir bulan Mac, Jun, September dan Disember hendaklah diteruskan. Bagi tahun 1976 ini pembayaran bagi suku tahun pertama dan kedua kepada pekerja-pekerja yang bergaji \$1,001/- sebulan ke atas itu bolehlah dibuat sekali gus dengan pembayaran bagi suku tahun yang ketiga.

4. Pembayaran bonus kepada Anggota-anggota Polis pangkat rendah hendaklah diselaraskan menurut opsyen pemindahan kepada gaji baru yang mereka putuskan masing-masing kelak. Anggota-anggota tersebut yang akan jatuh menerima gaji \$1,001/- sebulan ke atas mengikut tanggagaji baru itu hanyalah layak dibayar bonus setakat \$1,000/- setahun. Sekiranya bayaran, yang berlebihan berlaku oleh kerana pernbayaran bonus bagi tahun 1976 yang berlangsung jumlah pembayaran yang melebihi \$1,000/- itu hendaklah dikembalikan dengan dibayar balik.

5. Pembayaran bonus kepada Anggota-anggota Angkatan Tentera pangkat rendah (prebet hingga Pegawai Waran I) bagi tahun 1976 ini hendaklah mengambil kira Elaun Sementara yang telah diluluskan mulai 1.1.1976. Kelayakan Anggota-anggota Angkatan Tentera pangkat rendah itu bergantung kepada jumlah pendapatan yang terdiri dari gaji dan Elaun Sementara yang dimaksudkan. Bagi mereka yang menerima Gaji campur Elaun Sementara, yang berjumlah lebih dari \$1,000/- sebulan jumlah bonus yang dilayakinya mestilah tidak lebih dari \$1,000/ setahun.

Saya yang menurut perintah,

(S.VELOO)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha
Kementerian,

Semua Ketua Jabatan,

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara,
 Malaysia,
 Kuala Lumpur.

" Semua Badan-badan
 Berkanun.